

03/11/2002

Puteri tidak perlu ahli `duri dalam daging'

Zain Ayip

PUTERI Umno selamat mengadakan perhimpunan agung pertama di ibu negara kelmarin selepas disahkan sebagai entiti baru Umno pada perhimpunan agung Umno, 20 Jun lalu. Seperti yang telah diduga Azalina Othman Said terpilih menerajui pergerakan itu dan dibantu Noraini Ahmad sebagai naib ketuanya.

Perhimpunan itu menarik banyak pihak termasuk kehadiran pemimpin tertinggi parti. Sambil mengucapkan selamat berjuang, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika merasmikan perhimpunan itu mengingatkan anggota pergerakan itu agar mengimbangi peranan mereka dalam meneruskan perjuangan parti dan tanggungjawab sebagai ibu dan keluarga masing-masing.

Kehadiran adik bongsu Umno itu sebenarnya tidaklah seceria yang diharapkan. Isu demi isu timbul dan yang hangat diperkatakan ialah penyakit menabur fitnah dan tuduhan melulu hingga Azalina menjadi sasaran utamanya. Dalam hal ini, Presiden Umno mengingatkan mereka agar tidak mewarisi penyakit generasi tua dalam Umno yang suka membuat tuduhan tidak berasas.

Jika penyakit itu tidak diubati, bukan saja masa depan Puteri Umno rosak, malah ia akan turut menjejaskan perjalanan Umno sendiri. Ini kerana selain Pemuda, ahli Puteri adalah pewaris perjuangan Umno masa depan..

Budaya menabur fitnah dan mengeluarkan kenyataan kesat serta menghina sesama sendiri boleh memberi kesan negatif kepada minda anak-anak yang sedang meningkat usia. Amalan itu yang dilihat begitu popular dibawa pihak tertentu sebenarnya secara tidak langsung mengajak anak-anak supaya tidak berdisiplin dan beradab.

Tuduhan tidak berasas terhadap satu sama lain boleh juga menimbulkan fitnah. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Anfal, ayat 25, bermaksud: "Dan jagalah diri kamu daripada (melakukan) dosa yang membawa bencana fitnah yang bukan saja akan menimpa orang-orang yang zalim di antara kamu secara khusus (bahkan akan menimpa kamu secara umum) dan ketahuilah bahawa Allah maha berat azab seksanya."

Fitnah itu lebih besar akibatnya daripada membunuh. Sesungguhnya bangkai gajah itu bukan saja tidak dapat ditutup dengan nyiru, malah bau busuknya itulah yang mendedahkan rahsia segala-galanya.

Firman Allah dalam Surah al-Buruj, ayat 10 pula bermaksud: "Sesungguhnya orang-orang yang menabur fitnah untuk memesongkan orang mukmin lelaki dan perempuan, kemudian mereka tidak bertaubat, maka mereka akan menerima azab neraka jahanam (kerana perbuatan menabur fitnah itu), dan mereka akan beroleh azab api yang kuat membakar (kerana mereka tidak bertaubat)."

Apa yang pasti, untuk memelihara keharmonian dan kemesraan sejati di kalangan Puteri Umno, semua pihak hendaklah sama-sama bertanggungjawab menjadikan peraturan dan disiplin Islam itu sebagai landasan dan perjuangan hidup.

Pelaksanaan dan kepatuhan kepada disiplin tidak seharusnya terikat kepada bangsa, warna kulit atau tinggi rendah status seseorang itu dalam masyarakat dan parti kerana hak mendapatkan keharmonian dan kemesraan bermasyarakat adalah milik semua orang.

Mulai sekarang, apa lagi menjelang Ramadan beberapa hari lagi, marilah kita sama-sama merebut ganjaran pahala berpuasa dan jangan sekali-kali melakukan perbuatan menyebarkan fitnah, mencerca orang mukmin lain atau mengumpat dan menghina sesama saudara mukmin. Yang berlalu jangan diungkit dan jadikan iktibar.

Dalam pada itu, Azalina mahu anggota Puteri tidak menjadikan politik

sebagai landasan untuk menuduh dan mencari kesalahan orang lain yang mempunyai pendekatan berbeza dalam perjuangan.

Pembabitan wanita muda dalam Puteri Umno adalah sebagai menunaikan tanggungjawab mereka kepada perjuangan parti dan ahli. Ini kerana politik bukan tempat membuat tuduhan, sebaliknya medan untuk menguji dan melaksanakan tanggungjawab sehingga ke akar umbi.

Beliau berkata, pihak yang sebelum ini melemparkan pelbagai tuduhan terhadapnya tidak harus mengheret sama polis dalam mencapai agenda politik mereka. Ditanya sama ada beliau akan mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak yang membuat dakwaan itu, beliau sekadar berkata: "Saya akan fikirkan."

Azalina yang buat pertama kali bersuara bagi menjawab tuduhan yang dilemparkan terhadapnya pada saat-saat menjelang pemilihan pergerakan itu dengan menyatakan beliau tidak terjejas dengan tuduhan berkenaan.

Beliau berkata tuduhan berkenaan tidak melemahkan semangatnya kerana "kadang kala sesuatu agenda politik atau komplot politik akan menyebabkan sesuatu perkara diperkatakan dan dilakukan."

"Politik bukannya untuk melemparkan tuduhan, politik ialah mengenai pergi ke akar umbi dan berkerja," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Azalina mengajak ahli Puteri terus bekerjasama dengan Pergerakan Wanita Umno kerana kelahiran mereka akan menjadi tapak bagi wanita muda bergiat aktif dalam politik menerusi Umno setelah usia mereka mencecah 35 tahun ke atas.

Memang diakui, ahli Puteri Umno masih muda dan sebahagiannya belum matang berpolitik. Sehubungan itu, Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak berharap ahli Puteri dapat meneruskan kerjasama dengan komponen lain dalam Umno.

Penubuhan Puteri ialah landasan kepada wanita muda mengumpul pengalaman berpolitik dan persiapan sebagai pemimpin yang lebih berkesan apabila sampai waktunya. Puteri Umno kini menjadi sayap penting dalam parti yang ditubuhkan dengan penuh harapan bagi menggembelng tenaga di kalangan wanita muda dalam politik.

"Kesyinambungan perjuangan Umno lebih terjamin kerana perancangan yang sistematik bagi melatih mereka menghayati perjuangan parti sebenar. Malah penubuhan Puteri Umno mencerminkan perjuangan wanita yang bersikap lebih idealistik," katanya.

Apa yang jelas, jika ada di kalangan ahli Puteri Umno yang berkudis, ubati kudis itu dan jika tidak sembuh hindari atau sisihkan mereka. Ini penting agar perjalanan Puteri tidak dicemari dengan sebilangan ahli yang cemburu, suka membuat kacau dan bersikap duri dalam daging.